

# Kucing Hutan Suka Bersembunyi

Kucing hutan atau Flat-headed Cat (*Prionailurus planiceps*) ialah satu daripada empat spesies kucing liar yang ada di Semenanjung Malaysia. Tiga spesies kucing liar yang lain ialah kucing batu (*Prionailurus bengalensis*), kucing dahan (*Pardofelis marmorata*) dan kucing tulip (*Catopuma Temminckii*).

Satu lagi jenis spesies kucing liar yang dikatakan pupus di Malaysia ialah kucing paya (*Prionailurus badius*) atau Fishing Cat atau Bay Cat yang pernah ditemukan di kawasan hutan tanah pamah dan hutan paya gambut.

Kucing ini dikatakan sangat pandai menangkap ikan di kawasan berair. Kucing hutan juga ada di selatan Thailand, Sumatera dan kepulauan Borneo. Kucing hutan amat jarang-jarang ditemukan. Spesies ini dianggap sebagai spesies yang elusif atau suka menyembunyikan diri daripada penglihatan manusia.

Secara biasanya, pekerja balak, pemungut hasil hutan atau orang asli sahaja yang pernah terserempak dengan spesies ini. Hal ini berbeza daripada kucing batu atau Leopard Cat yang mudah ditemukan di kawasan ladang getah yang terbiar, ladang kelapa sawit atau kawasan bukalur yang bersempadan dengan kawasan hutan rimba.

Warna keseluruhan bulu badan kucing hutan keperang-perangan bercampur warna kelabu cicak hingga bahagian pinggangnya dan ada jalur berwarna putih antara mata dengan hidungnya yang memanjang hingga dahinya. Warna putih ini juga ada pada

bahagian atas kening mata dan pada bahagian bawah leher dan sebahagian daripada bawah perutnya.

Ekor kucing hutan kelihatan lebih pendek berbanding dengan kucing batu. Saiz tubuh kucing hutan hampir sama dengan saiz badan kucing kampung. Panjang keseluruhannya dapat mencapai sehingga 52 sentimeter dan berat sehingga dua kilogram.

Kucing hutan cuma aktif pada waktu malam, iaitu bersifat nokturnal. Pada waktu siang, haiwan ini lebih banyak berehat dan tidur di dalam lubang kayu, lubang tanah atau celah banir kayu yang besar.

Kucing hutan keluar apabila Matahari mulai terbenam untuk mencari makanan atau memburu mamalia kecil, burung liar, serangga atau haiwan reptilia yang menjadi makanan utamanya. Kucing hutan mudah dipelihara dan dijinakkan serta gemar bermain air. Sifat ini berbeza daripada kucing kampung yang cuba mengelakkan dirinya daripada terkena air.

Kucing hutan mendiami kawasan hutan tanah pamah dan hutan paya gambut. Spesies ini dapat ditemukan di kawasan hutan hingga 500 meter dari paras laut. Kawasan hutan tanah pamah amat sesuai didiami oleh spesies ini

kerana ada banyak makanannya yang terdiri daripada mamalia kecil, pelanduk, tikus, tupai serta haiwan reptilia, burung liar dan serangga.

Lantai hutan yang kering dan diliputi oleh daun kering dan batang kayu yang tumbang amat sesuai bagi spesies ini untuk memburu dan menyembunyikan diri. Tikus yang aktif pada waktu malam mudah diburu oleh kucing hutan. Kucing hutan juga ada di hutan karangas, iaitu hutan yang ada di kawasan yang berhampiran dengan pantai di Pahang dan Terengganu. Kucing hutan tidak ada di kawasan hutan paya bakau yang sentiasa lembap dan berair, terutamanya apabila air laut pasang.

Makanan kucing hutan terdiri daripada mamalia kecil, seperti tikus, tupai, burung liar, haiwan reptilia dan serangga. Selain itu, kucing hutan makan pelbagai jenis serangga, seperti belalang, cengkerik, kumbang dan lipas. Kucing hutan juga memamah pelanduk atau kancil dan napuh yang masih kecil yang ditemukannya ketika berburu.

Kucing hutan berburu pada waktu malam. Pada waktu siang, haiwan ini banyak berehat dan tidur. Burung liar yang merayap di atas tanah, seperti burung sang serok, burung siul, burung puyuh, pinal tanah dan anak burung

daripada keluarga Phasianidae, seperti kuantung raya, ayam pegar, merah mata, merak pongsu dan ayam hutan juga menjadi mangsa bagi spesies ini.

Haiwan reptilia, seperti cicak hutan, cicak kubin, tokek, mengkarung, biawak, sesumpah dan anak ular juga menjadi makanan bagi kucing hutan. Hidung dan mata kucing hutan amat peka terhadap sebarang gerakan mangsanya, terutamanya pada waktu malam.

Kucing hutan betina matang apabila berumur antara satu tahun setengah hingga dua tahun. Kucing jantan mengawani kucing betina yang bersedia untuk mengawan. Air kencing kucing betina yang mengandung hormon dihidi oleh kucing jantan yang hendak mengawaninya.

Secara biasanya, musim mengawan bagi kucing hutan adalah antara bulan Januari hingga Mei, iaitu pada musim panas atau musim kering. Proses mengawan ini memerlukan tempoh beberapa hari. Kucing betina mencari batang kayu besar yang tumbang dan berlubang atau celah banir kayu yang berlubang, lubang batu atau lubang tanah untuk melahirkan anaknya.

Lubang kayu atau lubang tanah ini biasanya terlindung daripada hujan dan panas. Kucing hutan betina dapat

melahirkan anak hingga empat ekor. Anak kucing hutan yang masih kecil ini dijaga dan disusui oleh ibunya sehingga dapat berburu bersama-sama ibunya.

Pada peringkat permulaan, ibu kucing hutan mengajar anaknya memburu serangga atau cicak hutan yang merayap di atas tanah. Kemudian, barulah anak kucing hutan diajar memburu haiwan yang lebih besar, seperti tikus, tupai dan pelanduk. Setelah itu, anak kucing hutan dewasa berpisah daripada ibunya dan mencari kawasan kelirannya sendiri.

Musuh utama bagi kucing hutan ialah manusia. Penebangan dan pembersihan hutan tanah pamah bagi tujuan pertanian atau penempatan manusia mengurangkan habitat bagi spesies ini. Kawasan hutan tanah pamah yang masih belum diterokai atau masih dara dapat membekalkan makanan dan perlindungan kepada spesies ini.

Haiwan mamalia kecil, seperti tikus, burung liar, reptilia dan serangga, yang menjadi makanan utama bagi kucing hutan amat sesuai mendiami kawasan hutan darat ini. Tumbuhan yang menghijau pula menjadi pelindung utama bagi spesies ini.

Kehilangan habitat ini mendedahkan kucing hutan kepada kebuluran dan penyakit yang akhirnya membunuh spesies ini. Kucing hutan tidak sesuai hidup di kawasan yang diganggu atau dirosakkan. Sifat ini berbeza daripada kucing batu yang dapat hidup di habitat baharu atau berubah, seperti ladang kelapa sawit atau ladang getah yang terbiar.

Kucing hutan ialah spesies hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar Bilangan 716 tahun 2010. Sesiapa yang didapati menangkap, membunuh atau memelihara haiwan ini akan didenda hingga RM100 ribu atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya di bawah seksyen 68(1).

Kucing hutan ialah warisan alam semula jadi di Malaysia dan patut dilindungi dan dipelihara dari semasa ke semasa. Kawasan hutan tanah pamah pula perlu dikekalkan bagi menjamin kewujudan spesies ini pada masa akan datang. Kajian yang lebih lanjut tentang taburan, populasi dan biologi spesies ini perlu dilakukan oleh pengkaji hidupan liar. Hal ini penting agar usaha pemuliharaannya dapat dilakukan dengan lebih berkesan. □



Control No: 0000274931

file no: ANI2014A02.pdf

Animal - General

pg: 16-17